

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) mengapakah dalam semakan Belanjawan 2015 andaian harga minyak mentah diletakkan pada harga USD55 setong sementara pelbagai pihak meramalkan harga yang lebih rendah; dan

(b) apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan bagi memastikan capaian defisit fiskal 3.2 @ KDNK mampu dicapai.

**JAWAPAN**

1. Semakan Belanjawan 2015 dengan andaian harga purata minyak mentah Brent pada USD55 setong dibuat berdasarkan kepada perubahan

harga yang mendadak sejak suku keempat 2014. Harga minyak mentah Brent pada Januari 2015 telah merosot melebihi 50% berbanding paras tertinggi iaitu USD115 setong pada 19 Jun 2014. Selaras itu, ahli-ahli ekonomi berpendapat bahawa unjuran paras harga asas USD100 setong semasa Bajet 2015 diumumkan, adalah tidak realistik. Mereka menganggarkan purata harga minyak mentah Brent bagi tahun 2015 adalah antara USD40 setong hingga USD70 setong. Mengambil kira purata harga daripada pandangan ahli ekonomi serta harga pasaran hadapan minyak mentah (*future price*), Kerajaan telah menggunakan USD55 setong sebagai unjuran tahun 2015.

2. Bagi memastikan sasaran defisit 3.2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini tercapai, Kerajaan telah dan akan melaksanakan *fiscal adjustment* melalui langkah-langkah *pre-emptive* peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan yang dijangka membawa kepada tambahan hasil sebanyak RM1.4 bilion dan penjimatan perbelanjaan sebanyak RM5.5 bilion seperti berikut:

- i. Memperluas asas percukaian GST dengan menggalakkan lebih banyak syarikat mendaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bagi

meningkatkan kutipan hasil (tambahan kutipan GST sebanyak RM1.0 billion);

- ii. Meningkatkan kutipan dividen daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) serta badan-badan Kerajaan yang lain (tambahan hasil sebanyak RM400 juta);
- iii. Mengawal perbelanjaan melalui inisiatif penjimatan kos dengan mengoptimumkan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, penganjuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional (penjimatan sebanyak RM1.6 billion);
- iv. Menangguhkan program Latihan Khidmat Negara tahun 2015 untuk tujuan kajian semula dan ditambah baik (penjimatan sebanyak RM400 juta);
- v. Mengkaji semula pemberian dan geran kepada Badan Berkanun Persekutuan, GLC serta tabung Amanah Kerajaan, terutamanya yang mempunyai aliran pendapatan yang konsisten dan rizab yang tinggi (penjimatan sebanyak RM3.2 billion); dan
- vi. Menjaduakan semula pembelian aset tidak kritikal (penjimatan sebanyak RM300 juta).

3. Kerajaan juga akan terus memantau dan membuat penilaian kedudukan kewangan Kerajaan dari masa ke masa serta komited untuk meneruskan langkah konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampuan fiskal jangka masa sederhana dan panjang. Kerajaan yakin dengan kesemua langkah tersebut, sasaran paras defisit fiskal pada 3.2% daripada KDNK akan dicapai bagi tahun ini dan seterusnya ke arah bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020.